

CNS1518

R GB 22-03 00.185 BC739

BAH

' Mahathir - Pemimpin

PEMIMPIN SALAH BIARKAN ANAK BUAH BACA KHUTBAH POLITIK

JITRR, 22 Mac (Bernama) -- Pemimpin yang membiarkan "anak buahnya" memeralatkan khutbah, Jumaat untuk menyindir pihak lain harus bertanggungjawab atas perbuatan itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tidak wa jar pemimpin berkenaan berbohong dan tidak tahu-menahu mengenai perbuntan anak buahnya itu, kata Perdana Menteri selepas majlis berbuka puasa di Masjid Kampung Kubang Pasu di sini malam ini.

Ucapan Dr Mahathir itu jelas ditunjukkan kepada PAS berikutan kejadian Pegawai Tadbir Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Ibrahim Mamat, membaca khutbah yang disifatkan menyindir Kerajaan Pusat ketika Perdana Menteri bersembahyang Jumaat di Masjid Bukit Marak, Kelantan, Jumaat lepas.

"Pemimpin yang membiarkan anak buahnya berkhutbah khutbah Jumaat yang boleh memecah-belahkan umat Islam, pemimpin itulah yang salah," kata Dr Mahathir yang juga anggota Parlimen Kubang Pasu.

Beliau ltesal kerana MAIK, yang menghantar kbas Ibrahim untuk membaca khutbah di masjid itu menggantikan imam tua masjid itu, Mohamad Yassin Awang, sanggup berbohong kononnya ia tidak tahu Perdana Menteri bersembahyang di situ. -- Lagi

▼22/03/23-30MST

CNS1519

R GB 22-03 00167 BC740

bah

Mahathir - Pemimpin 2 Jitra

"Jangan cakap bohonglah dalam bulan puasa ini, tidak bail;," katanya.

Menurut Dr Mahathir, mus tahlil MAIK tidak mengetahui beliau akan bersembahyang Jumaat di masjid itu kerana sebelum berlepas ke Kelantan Setiausaha Politiknyatelah mengingatkan beliau mengenai kemungkinan MAIK akan menghantar orangnya bagi menggantikan imam tua masjid itu untuk membaca khutbah.

Perdana Menteri berkata, beliau telah diberitahu oleh Menteri Belia dan Sultan, Datuk Annuar Musa, bahawa beliau (Annuar) mulanya menolak permohonan untuk menggantikan imam tua masjid itu bagi membaca khutbah.

"MAIK memberitahu Annuar bahawa ia akan menghantar imam lain dan menghantar teks khutbah yang akan dibacakannya key ada Annuar untuk disemak. Tapi Annuar tengok tak ada apa. Sebaliknya dia (Ibrahim) membaca khutbah (yang berupa sindiran), yang kononnya juga dibaca di masjid-masjid lain.. takkan MAIK tak tahu," kata beliau.

Jika parti politik mempunyai niat lain, itulah yang berlaku kerana tidak dapat dielakkan tafsiran terhadap agama Islam akan diselewengkan bagi kepentingannya, kata beliau. -- Lagi

▼22/03/23-32MST

CNS1520

R GB 22-03 00139 BC741

bah

Mahathir - Pemimpin 3 Jitra

Dr Mahathir berkata beliau menyokong jika parti politik menggunakan al-Quran dan Hadis untuk kepentingan Islam tetapi menggunakannya untuk kepentingan politik parti bukanlah ajaran Islam.

"Kalau niat nak gunakan Quran dan Hadis untuk mendapat undi, ini tak benar," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, beliau bersetuju dengan pandangan bahawa tiada pemisah antara agama dan politik tetapi bukan bermaksud politik parti atau orang tertentu.

Beliau berkata, benar pada zaman Nabi Muhammad, agama dan politik tidak terpisah kerana waktu itu tiada parti politik atau tafsiran yang berbeza-beza terhadap agama Islam dan mazhab-mazhab hnya muncul selepas Nabi wafat.

Mengenai Hukum Hudud, beliau berkata kerajaan juga mahu menjalankan hukum berkenaan tetapi in akan dibuat apabila keadaan mengizinkan dan bukan dalam keadaan tergesa-gesa atau secara paksa.-- Lagi

▼22/03/23-36MST

CNS1521

R GB22-03 0811.1 BC742

h a h

Mahathir - Pemimpin 4 (Akhir) Jitra

"Islam memberibanyak kelonggaran demi kebaikan umatnya," kata beliau.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Tan Sri Haji Osman Aroff dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Pada majlis itu juga, Dr Mahathir menyampaikan bungkusan kuih Hari Raya sumbangan penduduk daerah Rubang Pasu kepada pasukan keselamatan yang bertugas di sempadan.

Wakil Pasukan 305 Askar Wataniah Bukit Kayu Hitam, Lt Kol Syed Mohamad Syed Alwi dan Timbalan Penguasa Mohamad Abdullah, yang mewakili Batalion Kedua, Pasukan Polis Hutan Bukit Kayu Hitam menerima bungkusan itu. --  
Rernama